

Sektor AI mampu sumbang 1.2% KDNK negara menjelang 2030

Kuala Lumpur: Sektor kecerdasan buatan (AI) dijangka memberi sumbangan tambahan antara 0.8 hingga 1.2 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030, bersamaan nilai antara RM13 bilion hingga RM20 bilion setahun.

Dalam jawapan bertulis oleh Kementerian Digital yang dimuat naik di portal Parlimen, ia berkata sektor itu berpotensi mewujudkan antara 300,000

hingga 500,000 peluang pekerjaan baharu berkemahiran tinggi menjelang 2030.

“Malaysia juga berhasrat untuk berkembang daripada pengguna kepada pengeluar teknologi AI, dengan menumpukan kepada pembangunan produk dan perkhidmatan bernilai tambah bertema-kan Buatan Malaysia,” katanya.

Kementerian itu berkata demikian bagi menjawab soalan **Datuk Dr Richard Rapu @ Aman anak Begri (GPS-Betong)** berkenaan potensi hasil negara daripada industri teknologi baharu seperti AI, pusat data, roket dan komputer kuantum sepanjang Rancangan

Malaysia Ke-13.

Sementara itu, Kementerian Digital berkata Malaysia berpotensi memperoleh manfaat besar daripada pasaran komputer kuantum global yang dijangka mencecah US\$125 bilion menjelang 2030 dengan kadar pertumbuhan tahunan 36.89 peratus.